



27 FEB, 2025

PKNS sah lepaskan tanah Broga kepada Trans Royal

Utusan Malaysia, Malaysia



PKNS sah lepaskan tanah Broga kepada Trans Royal

SHAH ALAM: Kerajaan negeri mengesahkan pelepasan tanah seluas kira-kira 403.4 hektar (997 ekar) oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) di Broga, Hulu Langat kepada enam entiti termasuk penjualan kepada syarikat Trans Royal Sdn. Bhd. (Trans Royal) yang menawarkan harga RM224.5 juta.

Daripada keluasan itu sebanyak kira-kira 53.4 hektar (132 ekar) diserahkan kepada Jabatan Perhutanan Selangor (31.16 hektar atau 77 ekar) dan Tenaga Nasional Berhad (TNB) (22.6 hektar atau 55 ekar).

Selebihnya kira-kira 363 hektar (897 ekar) diserahkan kepada Trans Royal yang menawarkan harga RM9.57 bagi sekaki persegi iaitu lebih tinggi berbanding RM9.29 sekaki persegi ditetapkan oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH).

Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, justeru keluasan tanah boleh dibangunkan diperolehi Trans Royal, kira-kira 217.72 hektar (538 ekar) bersamaan dengan 23,435,280 kaki persegi.

“JPPH menetapkan, harga perkaki persegi adalah RM9.29. Sebab itu, untuk lebih adil saya maklumkan saya sendiri membangkitkan persoalan itu ketika ia dikemukakan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pelaburan dan Kewangan yang diketuai oleh Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Haris Kasim (bersara),” katanya pada penggulungan perbincangan menjunjung titah Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah pada Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor Ke-15, semalam.

Tambah, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Tua itu, penjualan mengikut keluasan tersebut lebih menguntungkan berbanding ia dipecahkan kepada lot-lot lebih kecil.

Terdahulu, Ketua Pembangkang, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali dalam perbincangan titah baginda membangkitkan tindakan penjualan tanah kepada syarikat tersebut yang didakwa berkeluasan 403.4 hektar.